

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
13 JULAI 2021	12 OKT 2021	15 NOV 2021

Penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei 1959: Satu Sorotan Sejarah

Drafting of The Brunei Constitutions of 1959: A Historical Review

Siti Nor Anis Nadiah Haji Mohamad¹, Mariam Abdul Rahman²

ABSTRAK

Pertapakan kuasa barat di Negara Brunei Darussalam telah mengubah corak pemerintahan negara. Perlembagaan Negeri Brunei 1959 yang dianggap sebagai dasar kepada corak pemerintahan dan pentadbiran bagi Negara Brunei Darussalam merupakan antara kebijaksanaan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28 bagi melepaskan Negeri Brunei dari terus berada di bawah naungan British. Kertas kerja ini membincangkan sejarah penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan kajian perpustakaan dan kaedah analisis kandungan daripada pelbagai sumber sekunder dan juga sumber primer bagi menghuraikan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengannya. Hasil kajian mendapati bahawa penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 telah dapat mengembalikan kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berkerajaan sendiri berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja. Termeterainya Perlembagaan ini juga telah memperkukuhkan kedudukan Islam di Negara Brunei Darussalam dan melestari ketamadunannya dalam menegakkan syiar Islam sebagai satu anutan.

Kata Kunci: *Sejarah, Perlembagaan, Negeri Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddien III, British.*

ABSTRACT

The establishment of western power in Brunei Darussalam has changed the pattern of government. The Brunei Constitutions of 1959 which is considered the basis of the pattern of governance and administration for Brunei Darussalam is one of the wisdoms of Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, the 28th Sultan of Brunei to release the State of Brunei from remaining under British rule. This paper aims to discuss the history of the drafting of the Brunei Constitution of 1959. This qualitative study uses the method of library research and content analysis from various secondary sources as well as primary sources to describe the events related to it. The results showed that the drafting of the Brunei Constitutions of 1959 has been able to restore the position of the State of Brunei Darussalam as an independent state based on Malay Islamic Monarchy philosophy. The signing of this Constitution has also strengthened the position of Islam in Brunei Darussalam and sustained its civilization in upholding Islamic teachings as a religion.

Keywords: *History, Constitution, Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddien III, British.*

¹ Siti Nor Anis Nadiah Haji Mohamad, Pelajar Sarjana Sejarah dan Tamadun Islam, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 19MR113@siswa.unissa.edu.bn

² Dr Mariam Abdul Rahman, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, mariam.rahman@unissa.edu.bn.

1. Pengenalan

Seawal tahun 1500 kuasa-kuasa barat telah mula bertapak di negeri-negeri Asia dan khususnya di Asia Tenggara yang mana beberapa buah negeri di kepulauan Indonesia telah diduduki Belanda, Indochina ditakluki Perancis, Filipina ditakluki oleh Sepanyol dan kemudian oleh Amerika. Burma, Malaya dan Singapura dikuasai oleh British.

Negeri Brunei juga tidak lepas dari berhadapan dengan kemasukan kuasa barat. Perjanjian yang ditandatangani Brunei bersama British pada tahun 1800an merupakan titik permulaan dominasi kuasa barat di Negeri Brunei. Mohd Jamil Al-Sufri (1992) menyatakan pada tahun 1847, satu perjanjian persahabatan dan perniagaan telah ditandatangani. Kemudian pada 17 September 1888, satu perjanjian perlindungan dengan pihak British telah ditandatangani. Perjanjian 1888 telah meletakkan Negeri Brunei di bawah perlindungan Kerajaan British namun perjanjian tersebut tidak memberi hak kerajaan British untuk campur tangan dalam pentadbiran Negara. Seperti yang disebutkan dalam perjanjian:

“The state of Brunei shall continue to be governed and administered by the said Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin and his successors as an independent State, under the protection of Great Britain, but such protection shall confer no right on Her Majesty’s Government to interfere with the internal administration of the state further than is herein provided...”

Pada 3 Disember 1905 dan 2 Januari 1906, satu perjanjian tambahan telah ditandatangani antara Brunei dengan kerajaan British. Perjanjian 1905 dan 1906 telah meletakkan Negeri Brunei di bawah Sistem Residen. Pelantikan Residen British di Negeri Brunei sebagai penasihat Sultan telah memberikan pihak British tanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran Brunei dan menghadkan kuasa sultan terhadap urusan berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat sahaja. Seperti yang disebutkan dalam perjanjian:

“His Highness will receive a British Officer to be styled Resident and will provide a suitable Residence for him. The Resident will be the Agent and Representative of His Britannic Majesty’s Government under the High Commissioner for The British Protectorate in Borneo, and his advice must be taken and acted upon all questions in Brunei other than those the Mohammaden religion...”

Menyedari akan terhadnya kuasa sultan berbanding dengan Residen British, hasrat bagi mengembalikan kedaulatan pemerintahan Negeri Brunei dan mengukuhkan institusi kesultanan Brunei diteruskan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III setelah kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin pada tahun 1950. Oleh itu, Sultan Omar Ali Saifuddien III telah mencadangkan pembentukan satu piagam bertulis untuk membentuk sebuah kerajaan sendiri yang bebas dari sebarang naungan. Sebagaimana titah baginda:

“Bahawa pada suatu masa tadi-nya adalah tujuan dan maksud Beta hendak memberikan kepada ra’yat2 suatu perlembagaan yang tertulis dan dengan perlembagaan itu

maka peraturan yang sesuai boleh dibuatkan untuk pemerintahan dan kemakmuran Negeri Brunei kita.”

(Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Maulana Begawan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pameran Sejarah Perlembagaan Negeri Brunei)

Maka kertas kerja ini disediakan untuk membuat sorotan sejarah terhadap penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Kertas kerja ini memfokuskan kepada membuat sorotan terhadap tiga peringkat penggubalan perlembagaan iaitu penubuhan jawatankuasa bagi menyelidiki perlembagaan, perundingan perlembagaan di Brunei dan London dan penandatanganan dan pengisytiharan Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

2. Metodologi

Kajian ini secara khususnya bertujuan untuk membuat sorotan sejarah terhadap penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Kajian perpustakaan merujuk kepada kajian yang dilakukan berpandukan kepada bahan-bahan dalam perpustakaan. Kajian perpustakaan telah dilakukan bagi membuat sorotan terhadap sejarah penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Untuk kajian perpustakaan ini, pengkaji menumpukan kajian kepada beberapa buah perpustakaan di Negara Brunei Darussalam. Antara perpustakaan yang menjadi tempat kajian pengkaji adalah Pusat Pengkajian Borneo (PenBorneo) Pusat Sejarah Brunei, Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, Perpustakaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Pusat yang terletak di Bandar Seri Begawan dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Lambak Kanan.

Data kajian ini berbentuk kualitatif dan diperolehi melalui analisis dokumen daripada pelbagai sumber sekunder dan juga sumber primer. Data kajian ini digunakan bagi menghuraikan mengikut tema peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Buku-buku akademik yang bertema khusus kepada sejarah Brunei digunakan sebagai dokumen dalam menganalisis dan membuat sorotan terhadap penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei. Selain itu, kajian juga menggunakan syair Perlembagaan Negeri Brunei hasil Nukilan Sultan Omar Ali Saifuddien III yang menggunakan nama pena baginda Muda Omar Ali Saifuddien sebagai sorotan dan data kajian.

3. Penggubalan Perlembagaan

Perlembagaan Negeri Brunei 1959 digubal adalah bertujuan untuk memelihara kepentingan negara dan rakyat. Sultan Omar Ali Saifuddien III dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei menyebutkan antara tujuan Perlembagaan dibuat adalah untuk kebajikan rakyat semata-mata dan memperbaiki nasib rakyat. Perkara ini jelas dilihat melalui rangkap 16 seperti berikut:

*“Perlembagaan Brunei nama ditara,
Setelah dicadangkan untuk negara,
Untuk kebajikan rakyat sugara,
Memperbaiki nasib derita sengsara”*

Selain itu, Rabi'atul'adawiyah (2016) dalam penulisan menjelaskan bahawa Perlembagaan Negeri Brunei 1959 digunakan sebagai rujukan untuk sistem politik negara bagi menjamin kestabilan serta kesejahteraan negara disamping memelihara keamanan dan keadilan dalam pemerintahan.

Bagi membuat sorotan terhadap sejarah Penggubalan Negeri Brunei 1959, kertas kerja ini akan memfokuskan kepada tiga tema utama, iaitu Penubuhan Jawatankuasa Perlembagaan yang juga dikenali sebagai Tujuh Serangkai; Perundingan Perlembagaan yang berlangsung selama tiga tahun; dan Penandatanganan dan Pengisytiharan Perlembagaan Negeri Brunei pada tahun 1959.

3.1 Penubuhan Jawatankuasa Perlembagaan - Tujuh Serangkai

Langkah pertama yang diambil Sultan Omar Ali Saifuddien III dalam usaha baginda untuk melaksanakan Penggubalan Perlembagaan Bertulis bagi Negeri Brunei adalah dengan menubuhkan satu jawatankuasa. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyiasat dan memperoleh pendapat dan pandangan daripada rakyat di setiap daerah terhadap cadangan Penggubalan Perlembagaan. Penubuhan jawatankuasa ini dirakamkan dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei hasil karangan Sultan Omar Ali Saifuddien melalui rangkap 17.

Komiti atau badan yang dimaksudkan daripada rangkap syair di atas merujuk kepada Jawatankuasa Perancangan Perlembagaan yang dimaksudkan dalam kertas kerja ini. Mohd Jamil Al-Sufri (1992) menjelaskan jawatankuasa ini dipanggil sebagai Jawatankuasa Menyiasat Perlembagaan (JKMP), Jawatankuasa Perancangan Perlembagaan Baru yang kemudiannya dikenali sebagai Jawatankuasa Penasihat Perlembagaan (JKPP). Menurut Dr B.A Hussainmiya (1995) dalam penulisan beliau pula, jawatankuasa ini dikenali sebagai Tujuh Serangkai. Prof Madya Dr Haji Awang Asbol Haji Mail et al. (2012) membincangkan berkaitan asal-usul nama jawatankuasa dalam penulisan beliau dan menyatakan istilah Tujuh Serangkai merupakan istilah yang biasa digunakan bagi merujuk jawatankuasa tersebut dalam penulisan sejarah Brunei. Beliau juga menambah istilah Tujuh Serangkai digunakan bersempena tujuh orang ahli yang telah dilantik.

Tindakan Sultan Omar Ali Saifuddien III menubuhkan satu jawatankuasa bagi mengkaji pandangan dan pendapat rakyat berkaitan mewujudkan Perlembagaan menunjukkan dengan jelas keprihatinan Baginda terhadap rakyat. Perkara ini juga menunjukkan walaupun Baginda memiliki kuasa tertinggi sebagai seorang Raja, baginda masih sedia menerima pandangan dan pendapat daripada rakyat. Sikap atau nilai disini menunjukkan betapa pentingnya ikatan di antara Raja dan Rakyat. Prof Madya Dr Haji Awang Asbol Haji Mail dan Dr Nani Suryani Haji Abu Bakar (2018) menyifatkan golongan rakyat sebagai golongan akar umbi yang terlibat secara langsung dalam penggubalan perlembagaan yang akan diwujudkan kerana sultan pada ketika itu memberi peluang kepada rakyat bagi sama-sama memberikan buah fikiran dalam membentuk perlembagaan yang baru bagi kesejahteraan bersama.

Rajah 1: Ahli-Ahli Tujuh Serangkai



Sumber: Diambil daripada muka hadapan buku Tujuh Serangkai: Dari Perspektif Sejarah.

Prof Madya Dr Haji Mohd Asbol Haji Mail dan Dr Nani Suryani Haji Abu Bakar (2018) menyebutkan tujuh orang ahli yang menganggotai jawatankuasa tersebut. Mereka adalah Pengiran Maharaja Laila Muda Abdul Kahar bin Pengiran Pemancha Pengiran Anak Mohd Yassin, Pengiran Mohd Yusuf bin Pengiran Abdul Rahim, Pengiran Haji Mohd Salleh bin Pengiran Anak Muhammad, Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Pengiran Anak Muhammad, Pehin Orang Kaya Di-Gadong Haji Mohd Yusuf bin Pehin Jawatan Dalam Haji Mohd Hussain, Pengiran Mohd Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud dan Abu Bakar bin Jambol. Ahli-ahli yang dilantik dalam tujuh serangkai ini disebutkan oleh Dr B.A Hussainmiya dan Nicholas Tarling (2011) terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Wazir, Pengiran, Pehin dan orang perseorangan.

Menurut Dr Mohd Jamil Al-Sufri (1992) Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Laila Muda Kahar bin Pengiran Pemancha Pengiran Anak Mohd Yassin telah dilantik sebagai pengerusi Tujuh Serangkai oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III. Menurut Prof Madya Dr Haji Awang Mohd Asbol Haji Mail et al. (2012) pula, beliau adalah sepupu kepada Sultan Haji Omar Ali Saifuddien dan merupakan pelajar lepasan Kolej Kuala Kangsar.

Yang Berhormat Pengiran Mohd Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim juga dilantik sebagai Setiausaha dalam Tujuh Serangkai. Abdul Hamid Abas (1999) menjelaskan beliau dilahirkan pada 2 Mei 1923 di Kampung Kandang, Tutong. Beliau adalah merupakan diantara mangsa yang terselamat dalam pengeboman Hiroshima 1945. Selaku setiausaha dalam Tujuh Serangkai, beliau memiliki tanggungjawab yang *crucial* dalam menyusun laporan dapatan lawatan keempat-empat daerah setebal 50 halaman. Laporan tersebut disiapkan pada tahun 1954 yang kemudiannya dihadapkan kepada Sultan Omar Ali Saifuddien III.

Seterusnya ahli yang dilantik dalam Tujuh Serangkai adalah Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohd Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohammad. Prof Madya Dr Haji Awang Asbol Haji Mail et al. (2012) menerangkan beliau merupakan ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang sebelumnya memegang jawatan Pegawai Daerah Brunei dan Muara. Sultan Omar Ali Saifuddien dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei menyatakan beliau sebagai seorang yang fasih dalam membaca al-Quran dan seorang yang memiliki kefahaman yang mendalam mengenai adat istiadat

Ahli seterusnya, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Haji Mohd Yusuf bin Pehin Jawatan Dalam Haji Awang Mohd Husain menurut Prof Madya Dr Haji Awang Asbol Haji Mail et al. (2012) telah dikurniakan gelaran Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja pada 23 Mac 1939 sebelum menerima gelaran Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Laila.

Kemudian Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Haji Awang Mohammad Daud, ahli dalam Tujuh Serangkai. Prof Madya Dr Haji Awang Asbol Haji Mail et al. (2012) juga menyatakan seperti Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohd Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohammad, beliau memegang jawatan Pegawai Daerah Brunei dan Muara yang dilantik pada 12 Jun 1956. Kemudian pada tahun 1957, beliau dilantik menjadi salah seorang dari Ahli Majlis Mesyuarat Negeri.

Abdul Hamid Abas (1991) menyatakan Ahli Tujuh Serangkai yang seterusnya ialah Yang Berhormat Pengiran Mohd Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud yang juga dikenali sebagai Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Muhammad Ali bin Pengiran Haji Muhammad Daud. Prof Madya Dr Haji Awang Asbol Haji Mail et al. (2012) menambah dengan menyatakan beliau merupakan seorang pendidik yang dilahirkan pada 4 Oktober 1916 di Bandar Brunei. Beliau mula berkhidmat dalam pendidikan sebagai seorang guru pelatih di Sekolah Melayu Pekan Brunei dan pada 8 Februari 1933. Pada tahun 1934 hingga 1936, melanjutkan pembelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Yang Mulia Pehin Datu Panglima Abu Bakar bin Awang Jambol sebagai ahli. Beliau merupakan Pegawai Daerah Tutong dan mula berkhidmat bersama kerajaan pada tahun 1929. Pada Tahun 1957, beliau dilantik sebagai salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Keperibadian beliau dirakamkan dalam oleh Sultan Omar Ali Saifuddin dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei melalui rangkap 32 dan 33 sebagai seorang yang memiliki tubuh kecil tapi bergaya dan memiliki sifat pemberani dan pandai berkata-kata.

Dr B.A Hussainmiya (1995) menjelaskan tugas-tugas Tujuh Serangkai seperti berikut:

“To ascertain the views of the public regarding a constitution; To prepare a detailed report; and to advise the Sultan on drafting the Constitution, establishing District councils, and reorganizing the State Councils”.

Adapun tugas utama yang dimandatkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin III kepada ahli-ahli Tujuh Serangkai adalah untuk mendapatkan pandangan dan pendapat daripada sekalian rakyat Negeri Brunei berhubung dengan Perlembagaan yang dicadangkan baginda. Perkara ini seperti mana yang dinyatakan Dayangku Norafidah Pengiran Mohammad Shamri (2014) dengan tidak membezakan rakyat yang tinggal di kawasan bandar ataupun kawasan pedalaman. Selain itu mereka juga ditugaskan untuk mempersiapkan laporan terperinci hasil daripada pandangan dan pendapat rakyat. Mereka juga diberi tanggungjawab untuk menjadi penasihat Baginda dalam usaha mewujudkan Perlembagaan. Prof Madya Dr Haji Awang Asbol Haji Mail et al. (2012) pula menjelaskan tugas dan tanggungjawab Tujuh Serangkai..

Bagi melaksanakan tugas mengambil pandangan dan pendapat rakyat Negeri Brunei berkenaan Perlembagaan yang dicadangkan Sultan Omar Ali Saifuddin III, Ahli-Ahli Tujuh Serangkai telah menjalankan lawatan ke seluruh daerah Negeri Brunei. Prof Madya Dr Haji

Awang Asbol Haji Mail et al. (2012) menyatakan lawatan tersebut telah diadakan bermula pada 13 Julai 1953 dan berakhir pada 5 Oktober 1953.

Jadual 1: Tarikh Lawatan Tujuh Serangkai ke Daerah-Daerah

Lawatan	Daerah	Tarikh Mula	Tarikh Akhir
1	Belait	13 Julai 1953	19 Julai 1953
2	Tutong	27 Julai 1953	7 Ogos 1953
3	Temburong	13 Ogos 1953	19 Ogos 1953
4	Brunei-Muara	1 September	5 Oktober 1953

Jadual di atas menunjukkan tarikh-tarikh lawatan Tujuh Serangkai ke seluruh Negeri Brunei. Daerah Belait merupakan daerah pertama yang menjadi lokasi lawatan Tujuh Serangkai bermula 13 Julai hingga 19 Julai 1953. Lawatan kedua iaitu ke Daerah Tutong bermula dari 27 Julai hingga 7 Ogos 1953. Lawatan diteruskan lagi ke lokasi ketiga iaitu Daerah Temburong yang bermula dari 13 Ogos hingga 19 Ogos 1953. Lawatan Tujuh Serangkai diakhiri dengan lawatan ke Daerah Brunei dan Muara yang bermula dari 1 September hingga 5 Oktober 1953. Setelah lawatan ke daerah-daerah selesai dijalankan, satu laporan telah disediakan yang mengandungi persetujuan dan kesediaan lapisan rakyat untuk menyahut hasrat berperlembagaan Sultan Omar Ali Saifuddien III.

Lawatan Ahli-Ahli Tujuh Serangkai ke seluruh Negeri Brunei merupakan peristiwa bersejarah yang menggambarkan kesungguhan kerajaan untuk mencapai hasrat Sultan Omar Ali Saifuddien III memiliki Perlembagaan bertulis. Peristiwa ini dirakamkan Baginda dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei melalui rangkap 18 dan 19.

Setelah melaksanakan tugas mengambil pendapat dan pandangan rakyat, Tujuh Serangkai kemudiannya ditugaskan untuk membuat satu kajian bagi membandingkan perlembagaan yang dilaksanakan di Negeri-Negeri Semenanjung Tanah Melayu. Menurut Mohd Jamil Al-Sufri (1992), Ahli-Ahli Tujuh Serangkai telah dihantar ke Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1954. Dr B.A Hussainmiya (1995) menambah dengan menyatakan Tujuh Serangkai dihantar pada bulan Januari 1954 selama dua minggu. Prof Madya Dr Haji Awang Asbol Haji Mail et al. (2012) menyebutkan dalam penulisan beliau Johor, Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang dan Singapura menjadi tempat tinjauan Ahli-Ahli Tujuh Serangkai. Dr B.A Hussainmiya (1995) pula menyatakan Kedah juga menjadi salah satu negeri tinjauan mereka.

Dayang Sa'bariah Haji Adanan (2007) menyatakan bahawa Tujuh Serangkai telah menghadapkan satu laporan setebal 50 halaman kepada Sultan Omar Ali Saifuddien III hasil dari tinjauan ke daerah-daerah. Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Pengiran Haji Abd Rahman (2007) menambah dengan menyatakan tarikh laporan dihadapkan iaitu pada 23 Mac 1954. Kenyataan yang sama juga ditulis oleh Dr B.A Hussainmiya (1995) dengan menambah laporan tersebut ditulis dalam Bahasa Melayu. Laporan tersebut menurut Abdul Hamid Abas (1999) mengandungi maklumat dari hasil tinjauan daerah-daerah Negeri Brunei dan hasil tinjauan perlembagaan yang dilaksanakan di Negeri-Negeri Semenanjung Tanah Melayu. Beliau juga menyatakan laporan tersebut telah disediakan dan disusun oleh Setiausaha Ahli-Ahli Tujuh Serangkai sendiri iaitu Yang Berhormat Pengiran Mohd Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim. Laporan ini menurut beliau juga digunakan oleh R.W Hickling, seorang

pakar rang undang-undang yang dilantik kerajaan bagi menyusun rangka Perlembagaan dan kemudiannya beliau Tuan Young sebagai penasihat undang-undang.

3.2 Perundingan Perlembagaan

Langkah selanjutnya bagi mencapai hasrat Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk membentuk satu Perlembagaan bertulis bagi Negeri Brunei adalah dengan mengadakan perundingan. Perundingan Perlembagaan yang dijalankan memakan masa kira-kira tiga tahun sebelum mencapai suatu kesepakatan. Untuk membincangkan perkara ini, perundingan perlembagaan dibahagikan kepada tiga peringkat perundingan iaitu Perundingan London 1957, Perundingan Brunei 1958 dan Perundingan London 1959.

Perundingan London 1957

Perundingan pertama bagi membincangkan perlembagaan telah diadakan pada tahun 1957 yang bertempat di London. Menurut Mohd Jamil Al-Sufri (1992), Sultan Omar Ali Saifuddien III telah berangkat ke London pada 5 September 1957 bagi mengetuai rombongan untuk berunding bersama pihak Kerajaan British. Ketibaan Baginda di London disambut oleh Tuan Alan Lennox Boyd, Setiausaha Negara bagi Tanah-Tanah Jajahan dan Tuan Neil Lawson Q.C.

Terdapat beberapa tarikh yang dinyatakan oleh penulis terdahulu ketika membincangkan mengenai tarikh Perundingan London 1957. Mohd Jamil Al-Sufri (1992) menyatakan perundingan tersebut sepatutnya diadakan pada 27 September akan tetapi ianya ditunda kepada 30 September. Dr B.A Hussainmiya (1995) pula menyatakan Sultan Omar Ali Saifuddien III menghadiri tiga sesi perjumpaan semasa Perundingan London 1957 di *Colonial Office*. Perjumpaan pertama adalah pada 11 September bersama Tuan John Martin, *The Permanent Under-Secretary* Negara bagi Tanah-Tanah Jajahan British sebagai Pengerusi. Manakala perjumpaan kedua diadakan pada 27 September dan ketiga pada 30 September bersama Tuan Alan Lennox Boyd, Setiausaha Negara bagi Tanah-Tanah Jajahan British, sebagai Pengerusi.

Mohd Jamil Al-Sufri (1992) menyatakan dasar bagi perbincangan untuk Perundingan London 1957 adalah daripada Rang Undang-Undang Perlembagaan Negeri Brunei yang sempat disediakan oleh Dato Panglima Bukit Gantang di Brunei House, Singapura. B.A Hussainmiya dalam penulisan beliau menyatakan terdapat 4 tema penting yang menjadi perhatian semasa perundingan dijalankan, perkara tersebut adalah seperti berikut:

“First, the British government was committed to ‘support His highness and his family on the throne of Brunei’. Second, Brunei’s unique status as Malay Islamic Sultanate was recognized. Third, the sultan should move with the times and accommodate his people’s desire to participate in the internal government. Fourth, Brunei should agree to Closer Association proposals and work closely with its two British Borneo neighbours.”

Antara perkara-perkara yang dibincangkan dalam perundingan di London adalah mengenai pelantikan jawatan Menteri Besar untuk menguruskan hal ehwal pentadbiran negara, Setiausaha Negara dan Pegawai Kewangan Negara. Cadangan ini ditangguhkan dan pihak British mencadangkan ianya diusulkan semula selepas Perlembagaan dilaksanakan sekurang-

kurangnya 6 bulan. Selain itu, cadangan bagi menghapuskan *Reserved Power* Pesuruhjaya Tertinggi dari perlembagaan diketepikan oleh Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan British (Dr Mohd Jamil Al-Sufri, 1992) (B.A. Hussainmiya, 1995).

Secara umumnya, perundingan ini dijalankan adalah bagi membincangkan perkara berkaitan dengan Perlembagaan, akan tetapi pihak British memfokuskan kepada perkara yang berbeza. Perkara ini seperti yang dijelaskan B.A Hussainmiya (1995) pihak British menggunakan sebahagian besar sesi perundingan bagi membincangkan dan mengusulkan penyatuan tiga wilayah Borneo dan bukan pada isu Perlembagaan.

Secara keseluruhannya, perundingan London 1957 belum dapat mencapai hasrat Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk memiliki Perlembagaan sendiri. Harapan Baginda berangkat ke London adalah untuk mencapai hasrat bagi memperbaiki keadaan bangsa dan negara dan menghapuskan pengaruh kuasa British dalam pentadbiran Negara. Perkara ini seperti mana yang dinyatakan B.A Hussainmiya (1995) dalam tulisan beliau:

“The Sultan was sorely disappointed with the outcome of the talks. He realized that he had again been talked into accepting a British-made Constitution which would not satisfy the aspirations of the more vocal section of his subjects who demanded that British influence in the internal affairs of the State be eliminated.”

Namun hasil dari Perundingan London 1957 tidak mematahkan semangat Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk mencapai hasrat Baginda. Usaha murni ini Baginda teruskan dengan mempersiapkan satu lagi draf perjanjian baru bersama penasihat baginda untuk dipertimbangkan pihak British pada perundingan seterusnya.

Perundingan Brunei 1958

Perundingan Perlembagaan diteruskan lagi pada tahun 1958 yang bertempat di Negeri Brunei. Mohd Jamil Al-Sufri (1992) menjelaskan pada 27 Oktober 1958, satu mesyuarat telah diadakan di Istana Darul Hana, Brunei antara Sultan Omar Ali Saifuddien III dan Sir Anthony Abell bagi membincangkan semula hasil perundingan 1957 di London. Rundingan ini diadakan adalah bertujuan untuk menentukan isi-isi penting dari hasil perundingan 1957.

B.A Hussainmiya (1995) pula menjelaskan pada 2 November 1958, satu mesyuarat khas telah diadakan oleh penasihat Sultan. Dalam permesyuaratan ini, Ahli Mesyuarat telah bersepakat untuk menghantar rombongan ke London bagi mengadakan perundingan Perlembagaan yang akan diketuai sendiri oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III. Mesyuarat tersebut juga telah memutuskan untuk Dato Panglima Bukit Gantang dan Tuan Neil Lawson Q.C dalam rombongan ke London yang dicadangkan. Perkara ini adalah kerana, kedua individu tersebut merupakan pakar dalam perundangan dan mereka akan berperanan sebagai penasihat berkaitan hal perlembagaan.

Perundingan London 1959

Pada tahun 1959, Perundingan Perlembagaan diteruskan lagi yang mengambil tempat di London. Mohd Jamil Al-Sufri (1992) menyatakan pada 14 Mac 1959, jam 10.15 pagi, Sultan Haji Omar Ali Saifuddien III telah berangkat ke London melalui Singapura untuk menghadiri

perundingan perlembagaan. B.A Hussainmiya (1995) pula menyatakan perundingan kali ni bermula pada 23 Mac hingga 6 April 1959.

B.A Hussainmiya (2000) dalam penulisan beliau menerangkan perwakilan Brunei yang menghadiri Perundingan Perlembagaan 1959 ini terdiri daripada 10 orang yang diketuai oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III. Antara mereka yang terlibat dalam perwakilan perundingan adalah Duli Pengiran Pemancha Anak Haji Mohamed Alam; Datu Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Mohamed Jaafar; Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud; Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Inche Marsal bin Maun; Pengiran Mohamed Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Pehin Jawatan Dalam Haji Mohamed Noor bin Laksamana Abdul Razak; Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohamed Taha bin Ratna Diraja Awang Hussin; Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohammed Salleh; dan Pehin Orang Kaya Sanggamara Setia Diraja Abbas bin Ibrahim.

Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Pengiran Haji Abd Rahman (2007) pula menyatakan Tuan Alan Lennox Boyd, Setiausaha Negara bagi Tanah-Tanah Jajahan British merupakan ketua perwakilan perundingan bagi pihak British.

Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Pengiran Haji Abd Rahman (2007) juga menyatakan antara perkara-perkara yang dibawa sebagai bahan dalam perundingan Perlembagaan di London seperti yang dinyatakan dalam lampiran warkah Sultan Haji Omar Ali Saifuddien kepada D.C White, Residen British di Brunei adalah seperti pelantikan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan dan kerja-kerjanya; Bab Nasihat; Kuasa-kuasa Pesuruhjaya Tinggi; Pertahanan dan Hal Ehwal Luar; Perjanjian yang sedia ada; Majlis Mesyuarat – Majlis Mesyuarat, Privy, Kerja dan Undangan; Pilihan Raya; Penukaran Kuasa; Pelantikan Penasihat British, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Wang Negeri; Kedudukan Penasihat British dalam Majlis Mesyuarat Undang-undang; Pegawai-pegawai yang di dalam kerajaan; Undang-undang Kebangsaan; Pengisytiharan undang-undang tubuh kerajaan dan undang-undang keselamatan, takhta raja dan cara-caranya; Tatacara menterjemah dan meminta syarat-syarat undang-undang tubuh kerajaan; Bahasa Rasmi Negara; Perintah Am; Masa perantaraan tukar pemerintahan dan syarat-syaratnya; Hari yang tetap berjalan kuasa baru; dan, lain-lain perkara yang berbangkit selepas berunding perkara yang tersebut.

Akhirnya, satu penandatanganan perjanjian secara *initial* telah diadakan di London yang menandakan pihak kerajaan Negeri Brunei dan British telah mencapai satu kesepakatan. Perjanjian ini seperti yang dijelaskan Dr Haji Ramlee Haji Tingkong dengan menyatakan pada 6 April 1959, satu draf perjanjian bagi menggubal satu Perlembagaan telah ditandatangani secara *initial* diantara Sultan Omar Ali Saifuddien III bersama Tuan Alan Lennox Boyd di akhir Perundingan London 1959. Draf perjanjian secara *initial* ini juga dirakamkan dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei oleh Sultan Omar Ali Saifuddien melalui rangkap 294.

3.3 Penandatanganan Perjanjian Dan Pengisytiharan Perlembagaan Negeri Brunei 1959

Perundingan perlembagaan di antara kerajaan Brunei dan kerajaan British yang mengambil masa kira-kira enam tahun telah mencapai kesepakatan. Pada 29 September, satu majlis Penandatanganan dan Pengisytiharan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 telah sempurna dijalankan. Peristiwa ini juga dirakamkan dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei oleh Sultan Omar Ali Saifuddien melalui rangkap 505 seperti berikut:

*“Menetapkan istiadat tamat dirundingkan,
Dua puluh sembilan hari dimaksudkan,
Bulan sembilan dipersetujukan,
Lima puluh sembilan tahun dinyatakan”*

Tarikh tersebut telah ditetapkan setelah perundingan baginda Sultan Omar Ali Saifuddien III bersama Penasihat Ugama. B.A Hussainmiya (1995) menyatakan sehari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan - 30 September - semasa perundingan di London, penandatanganan dokumen Perlembagaan telah dijalankan di Negeri Brunei. Mohd Jamil Al-Sufri (1997) menyatakan Penandatanganan Dokumen Perlembagaan berlangsung di Lapau, Bandar Brunei.

Selain dari menyebutkan tarikh penandatanganan dan pengisytiharan Perlembagaan Negeri Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddien juga menyatakan penandatanganan dan pengisytiharan Perlembagaan Negeri Brunei melalui rangkap 509 ditandatangani pada hari Selasa, jam 12 tengah hari dan bertempat di Lapau, Bandar Brunei.

Mohd Jamil Al-Sufri (1995) menyatakan Sultan Omar Ali Saifuddien III telah menandatangani perjanjian sebagai perwakilan Negeri Brunei. Manakala Kerajaan British diwakili oleh Pesuruhjaya Agung British Di Asia Tenggara iaitu Tuan Robert Scott. Kenyataan ini juga seperti yang diterangkan oleh Haji Sulaiman Haji Duraman (1995), B.A. Hussainmiya (1995) dan B.A Hussainmiya (2000). Setelah penandatanganan dilaksanakan, Sultan Haji Omar Ali Saifuddien III telah mengisytiharkan penguatkuasaan undang-undangnya sebagaimana titah baginda:

“Perjanjian yang baharu sahaja ditandatangani oleh Tuan Yang Terutama Sir Robert Scott sebagai wakil Seri Baginda Queen dan Beta sendiri adalah menamatkan satu zaman pemerintahan terus oleh kerajaan British di dalam Negeri Brunei. Perjanjian yang baharu sahaja ditandatangani adalah satu keterangan yang nyata dasar-dasar yang dipegang oleh Kerajaan Seri Baginda Queen hendak menggalakkan dan membesarkan kemajuan Perlembagaan dalam tiap-tiap satu jajahan yang termasuk dalam kawalan dan naungan Seri Baginda Queen.”

(Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Maulana Begawan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien)

Menurut Dr Haji Dzulkiflee (2018), Perlembagaan Negeri Brunei 1959 secara umumnya digubal adalah bertujuan untuk mengambil alih pentadbiran Negeri Brunei dari naungan British sejak tahun 1888. Selain itu, ianya juga memansuhkan perjanjian diantara Negeri Brunei dan British pada tahun 1888 dan tahun 1905/06. Haji Sulaiman Haji Duraman (1995) pula menyatakan dengan termeterainya penandatanganan Dokumen-dokumen Perlembagaan pada tahun 1959 adalah sebagai satu langkah Negeri Brunei mengambil alih pemerintahan dalam negeri dan juga langkah untuk mencapai semula tarafnya sebagai sebuah negara yang merdeka lagi penuh berdaulat.

Manakala Dr Haji Awang Mohd Yusof Haji Awang Damit (2010) menyatakan perjanjian yang ditandatangani pada tarikh yang bersejarah tersebut telah menghapuskan jawatan Residen dan menggantikannya dengan pelantikan jawatan Pesuruhjaya Tinggi British

yang bertanggungjawab terus ke Pejabat Jajahan British di London. Tugas Pesuruhjaya Tinggi British adalah terhad kepada hal ehwal pertahanan dan hal ehwal keselamatan dalam dan luar negeri berbeza dengan kuasa Residen British yang menjadi penasihat Sultan dan *de facto* pegawai eksekutif utama.

Menurut Dr Pg Haji Muhammad Pg Haji Abd Rahman (2011), penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 adalah merupakan sejarah dan peristiwa penting bagi Negara Brunei Darussalam kerana ianya telah memberikan identiti Melayu Islam Beraja berdasarkan Perlembagaan tersebut. Perkara ini ditekankan lagi oleh Dr Haji Dzulkiflee Haji Abdul Latif (2018) dengan menyatakan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 mengetengahkan konsep Melayu Islam Beraja sebagai kesinambungan sejarah yang mengenalkan identiti adat resam kebudayaan orang-orang Brunei. Agama Islam dan bahasa Melayu diperkukuhkan kepada taraf yang tinggi dengan menjadikan keduanya agama dan bahasa rasmi di dalam perlembagaan.

4. Kandungan Perlembagaan Negeri Brunei 1959

Dr Haji Dzulkiflee Haji Abdul Latif (2018) menjelaskan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 digubal adalah bertujuan untuk mengembalikan kuasa pemerintahan kesultanan Brunei dan menghapuskan kuasa Residen Inggeris. Selain itu, perlembagaan yang digubal adalah bagi mengukuhkan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, kedudukan orang-orang melayu, dan juga meningkatkan peluang pendidikan kepada anak-anak tempatan selaras dengan perkembangan Negara. Perkara-perkara tersebut terkandung dalam bahagian-bahagian isi kandungan Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

Adapun bahagian-bahagian yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 secara ringkasnya adalah seperti berikut:

1. Bahagian I iaitu Permulaan;
2. Bahagian II iaitu Agama;
3. Bahagian III iaitu Kuasa Memerintah;
4. Bahagian IV iaitu Majlis Mesyuarat Di-Raja;
5. Bahagian V iaitu Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri;
6. Bahagian VI iaitu Majlis Mesyuarat Negara;
7. Bahagian VII iaitu Pembentukan Undang-Undang Dan Peraturan Dalam Majlis Mesyuarat Negara;
8. Bahagian VIII iaitu Kewangan;
9. Bahagian IX iaitu Perkhidmatan Awam;
10. Bahagian X iaitu Mohor Kerajaan;
11. Bahagian XI iaitu Berbagai-bagai Perkara; dan
12. Bahagian XII iaitu Pindaan Dan Tafsiran Perlembagaan.

Dr Haji Awang Mohd Zain Haji Seruddin (2000) menyatakan bahawa Perlembagaan Negeri Brunei 1959 boleh digunakan sebagai sumber untuk mengkaji latar belakang elemen Islam di Negara Brunei Darussalam. Seperti yang telah dibincangkan, Perlembagaan Negeri Brunei 1959 adalah merupakan asas bagi corak pentadbiran dan *formulation of law*. Ia juga merupakan antara rekod sejarah Brunei terpenting yang mengandungi aspek islamisasi Negara Brunei Darussalam.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 mengambil masa kira-kira enam tahun sebelum mencapai kesepakatan bersama pihak British. 3 Langkah utama yang dilakukan bagi merealisasikan hasrat Sultan Omar Ali Saifuddien III adalah dengan Penubuhan jawatankuasa Perlembagaan yang dikenali sebagai Tujuh Serangkai; Perundingan perlembagaan yang diadakan dalam tempoh lebih kurang tiga tahun di Brunei dan London; Penandatanganan Perjanjian pada tahun 29 September 1959.

Berdasarkan kepada sorotan yang telah dilakukan pengkaji dalam tema penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei 1959, pengkaji mendapati kajian berkaitan dengan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 tidak banyak dijalankan dalam beberapa tahun kebelakangan. Jika diteliti, kandungan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 memuatkan bahagian-bahagian yang digunakan sebagai garis panduan bagi menjalankan sistem pemerintahan. Untuk perkara ini, satu kajian khusus bagi mengkaji kandungan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 secara kritis boleh dijalankan. Selain itu, pengkaji mendapati Perlembagaan Negeri Brunei 1959 mengandungi bahagian yang menjurus kepada peranannya dalam memperkukuhkan martabat Islam disamping melestari tamadun Islam yang telah wujud di Negara Brunei Darussalam sejak pengislaman Sultan Brunei yang pertama. Justeru itu, pengkaji memilih untuk mengembangkan lagi kajian Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dalam penulisan tesis bagi mengenal pasti peranannya dalam melestari tamadun Islam.

6. Rujukan

2016. *Muda Omar Ali Saifuddien III: Resepsi Tokoh Dan Karya*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Abdul Hamid Abas. 1999. *P.M. Yusuf: Pejuang Kebangsaan Brunei*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei.
- B.A. Hussainmiya. 1995. *Sultan Omar Ali Saifuddin III and Britain: The Making Of Brunei Darussalam*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- B.A. Hussainmiya. 2000. *The Brunei Constitution Of 1959: An Inside History*. Bandar Seri Begawan: Brunei Press Sdn Bhd.
- Chua Yan Piaw. 2016. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill Education Sdn. Bhd.
- David E. Gray. 2014. *Doing Research In The Real World*. Edisi Ke-3. London: SAGE Publications Ltd.
- Dayang Sa'bariah Haji Adanan (2007). *Politik Brunei Tahun 1905-1963: Satu Tinjauan Awal*. Jurnal Darussalam, Bil. 7, 148-162.
- Dayangku Hajah Aqilah Pengiran Haji Salleh. 2015. *Analisis Konten Silibus Mata Pelajaran Tafsir Dan Hadits Serta Kesesuaiannya Dengan Keperluan Remaja Di Sekolah Menengah*. Negara Brunei Darussalam: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Dayangku Norafidah Pengiran Mohammad Shamri. 2014. *Penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei: Hubungan Sultan Omar 'Ali Saifuddien III Dengan Parti Rakyat Brunei Dan Sir Anthony Abell*. Jurnal Darussalam. Bil. 14, 59-71.
- Dr Haji Awang Mohd Yusof Haji Awang Damit. 2010. *British dan Pencapaian Brunei Berkerajaan Sendiri: Mengimbas Hubungan Brunei Dan British Sejak Akhir Perang Dunia Kedua Hingga Tahun 1959. 100 Tahun Hubungan Brunei-British 1906-2006: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Serantau Sejarah Brunei III*. Hlm. 145-167. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.

- Dr Haji Ramlee Haji Tingkong. 2020. Dokumentasi Sejarah Pembentukan Perlembagaan Negeri Brunei Dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei Karya Muda Omar Ali Saifuddien. *Kesultanan Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam: Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR).
- Haji Dzulkiflee Haji Abdul Latif. 2018. *Sejarah Pembentukan Perlembagaan Negeri Brunei 1959*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Muda Omar Ali Saifuddien. 2008. *Syair Perlembagaan Negeri Brunei*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei.
- Haji Sulaiman Haji Duraman. 1995. *Perlembagaan Negeri Brunei 1959: Satu Tinjauan Umum Mengenai Proses Pembentukannya*. Jurnal Darussalam, Bil. 2, 142-153.
- Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Mohd Jamil Al-Sufri. 1992. *Liku-liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Mohd Jamil Al-Sufri. 1997. *Survival Brunei: Dari Perspektif Sejarah*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji Awang Mohd Zain Haji Serudin. 2000. *Brunei An Islamic Nation: Islamic Background*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman. 2007. *Islam Di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan.
- Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman. 2011. *3 Penyair Pemikir Muslim*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Prof Madya Dr Haji Awang Asbol Haji Mail. 2013. Laporan Tujuh Serangkai Daerah Belait: Hubungannya Dengan Pembentukan Perlembagaan Negeri Brunei 1959. *Survival Negara bangsa: Himpunan Kertas Kerja Seminar Serantau*. Hlm. 169-193. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Prof Madya Dr Haji Awang Asbol Haji Mail; Dr Nani Suryani Haji Abu Bakar; Izzah Afiqiah Haji Abdullah. 2012. *Tujuh Serangkai: Dari Perspektif Sejarah*. Negara Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Prof Madya Dr Haji Awang Asbol Haji Mail; Dr Nani Suryani Haji Abu Bakar. 2018. *Laporan Tujuh Serangkai: Kesannya Ke Atas Pembentukan Perlembagaan Negeri Brunei 1959*. Jurnal Darussalam, Bil. 18, 46-67.
- Rabi'atul'adawiyah Haji Suhaili. 2016. *Undang-undang Taraf Kebangsaan Negeri Brunei 1961 Berpandukan Perlembagaan Negeri Brunei 1959*. Jurnal Darussalam, Bil. 16, 64-77.